



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 29/2009**

**Penyampaian Ganti Notis Di Bawah Subseksyen 432(1)  
Kanun Tanah Negara**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 29/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 29/2009**

**Penyampaian Ganti Notis Di Bawah Subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai tindakan yang perlu diambil dalam menyampaikan notis gantian di bawah subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara (KTN).

2. Subseksyen 432(1) KTN memperuntukkan bahawa Pendaftar dan Pentadbir Tanah boleh memerintahkan penyampaian satu-satu notis itu disempurnakan dengan meletakkan satu salinan notis itu di satu tempat yang mudah dilihat seperti:

- i) Atas sebidang tanah;
- ii) Di bangunan mahkamah, masjid atau pejabat atau balai penghulu, pasar atau tempat awam di kawasan di mana tanah itu terletak;
- iii) Salinan notis tersebut hendaklah disiarkan dalam warta kerajaan dan sekiranya Pendaftar memikirkan patut, hendaklah juga disiarkan dalam sebuah atau lebih akhbar-akhbar yang diedarkan dalam negeri itu. Perintah untuk menyempurnakan penyampaian notis seperti yang disebutkan itu cuma boleh dibuat sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa notis itu tidak boleh disampaikan terus kepada orang itu atau melalui pos kerana orang yang berkenaan mengelakkan daripada menerima atau kerana ada sebab-sebab lain menghalang penyampaian notis tersebut. Hendaklah diingati bahawa pentadbir tanah ialah pendaftar bagi tanah yang berpegang dengan hakmilik pejabat tanah sahaja, tetapi tidak bagi tanah yang berpegang dengan hakmilik pejabat pendaftar; dan oleh kerana itu perintah dari pendaftar hakmilik adalah diperlukan sekiranya notis melibatkan tanah di bawah hakmilik pejabat pendaftar yang hendak disampaikan di bawah subseksyen 432(1) KTN.

3. Pendaftar-pendaftar hakmilik dan pentadbir tanah adalah diminta mengambil perhatian bahawa sesuatu perintah untuk menyempurnakan penyampaian gantian notis di bawah subseksyen 432(1) KTN cuma boleh dibuat oleh pendaftar dan oleh itu adalah perlu bagi perintah itu dibuat sebelum pentadbir tanah menjalankan tindakan menyampaikan apa-apa notis yang melibatkan hakmilik pejabat pendaftar.

4. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 34/1977 dengan ini dibatalkan.



**(DATO' ABD HALIM BIN AIN)**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

No. Fail: JKPTG/101/KPU/799 Jld. 4  
Tarikh: 31 Disember 2009